

Jurnal iJALAL
Pusat Pendidikan ICESCO di MALAYSIA
E-ISSN: 3083-8622
2024, Bilangan 1, Isu 1, Halaman 34-48

**PERBANDINGAN PENTERJEMAHAN METAFORA
DARI PERSPEKTIF MAKNA LEKSIKAL DAN KONTEKS
*COMPARISON OF TRANSLATION OF METAPHORS
FROM THE PERSPECTIVE OF LEXICAL MEANING AND
CONTEXT***

Saifulah bin Samsudin^{1*} & Nasimah binti Abdullah²

¹ Pensyarah Kanan, Universiti Islam Selangor (UIS), Malaysia. saifulah@uis.edu.my

² Profesor Madya, Universiti Islam Selangor (UIS), Malaysia. nasimah@uis.edu.my

*Penulis Penghubung.

Artikel diterima: 23 Nov 2024 | Selepas Pembedaan: 26 Nov 2024 | Diterima untuk terbit: 26 Nov 2024

Abstrak

Metafora dianggap satu isu penting dalam bidang penterjemahan. Kebanyakan metafora bukan sahaja terikat dengan aspek linguistik teks sumber malah juga terikat dengan aspek budaya teks sumber. Sudah pasti kedua-dua aspek ini menyukarkan proses penterjemahan metafora kepada bahasa sasaran. Tumpuan kajian ini adalah untuk membandingkan hasil penterjemahan elemen metafora daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu yang terdapat dalam hadis-hadis Rasulullah SAW dari dua aspek berbeza iaitu aspek makna leksikal dan makna konteks. Bagi mencapai objektif ini, pengkaji menggunakan teori terjemahan Semantik dan Komunikatif yang diperkenalkan oleh Newmark. Tatacara penterjemahan metafora yang dicadangkan oleh Newmark turut digunakan. Data kajian diambil daripada terjemahan al-Hadith yang terdapat dalam kitab Terjemahan Riyad al-Salihin terbitan Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS), Jabatan Perdana Menteri. Kajian mendapati perbandingan terjemahan data terpilih antara kedua-dua aspek makna menunjukkan perbezaan yang amat ketara serta mengukuhkan keperluan agar metafora tidak difahami secara makna literalnya.

Kata kunci

Penterjemahan metafora, teks hadis, perbandingan penterjemahan

Abstract

Metaphor is considered an important issue in the field of translation. Most metaphors are not only bound by

the linguistic aspects of the source text but also by the cultural aspects of the source text. These two aspects certainly make the process of translating metaphors into the target language more challenging. The focus of this study is to compare the translation of metaphorical elements from Arabic to Malay in the Hadiths of the Prophet Muhammad (SAW) from two different aspects, namely lexical meaning and contextual meaning. To achieve this objective, the researcher uses the Semantic and Communicative translation theory introduced by Newmark. The translation procedures for metaphors proposed by Newmark are also applied. The data for this study was taken from the translation of al-Hadith found in the Terjemahan Riyad al-Salihin published by the Islamic Affairs Division (BAHEIS), Prime Minister's Department. The study found that a comparison of the translation of selected data between the two aspects of meaning showed significant differences, which reinforces the need for metaphors not to be understood literally.

Keywords

Metaphor translation, Hadith text, translation comparison

1. Pengenalan

Permasalahan utama dalam penterjemahan menurut Newmark ialah pemilihan umum metod penterjemahan sesuatu teks, manakala penterjemahan metafora pula menjadi masalah khusus yang paling penting dalam terjemahan (Newmark, 2006). Metafora ialah salah satu daripada beberapa teknik yang dikenali sebagai bahasa figuratif merangkumi *metonimi*, *ironi*, dan *simile*. Kesemuanya menjadi fokus penterjemahan. Namun, metafora adalah yang utama kerana penggunaannya yang banyak serta ia mempunyai masalah terjemahan yang paling mencabar (Dickins, 2002).

Permasalahan dalam menterjemah tidak hanya berlegar sekitar teks sahaja, bahkan adalah menjadi satu kepentingan buat penterjemah untuk memahami dunia yang melatari teks tersebut bagi memahami proses penterjemahan (Bassnet & Lefevere, 1998: 137). Ia bukanlah sekadar proses penukaran leksikon dan ciri tatabahasa antara beberapa bahasa (Bassnet, 1991: 25).

2. Metafora

Black (2004: 19) menyatakan bahawa perkataan *metaphor* berasal daripada perkataan Greek, dengan *meta* membawa maksud 'atas' manakala *pherein* mendukung makna 'diangkat'. Oleh itu, metafora merujuk kepada satu set proses linguistik yang sesetengah karakteristik sesuatu subjek 'diangkat ke atas' atau dipindahkan kepada objek yang lain. Oleh yang demikian, objek yang kedua dituturkan atau diaplikasikan seolah-olah ia berada pada kedudukan objek yang pertama. Ia dianggap sebagai bentuk yang paling asas bagi bahasa figuratif (Hawkes, T. 1972: 1).

Menurut Asmah Haji Omar (1996), definisi metafora tidak hanya terbatas sekadar bunga-bunga bahasa atau bahasa yang indah tetapi lebih dalam daripada pengertian itu. Metafora juga menggambarkan sistem konseptual sesuatu bahasa dan kepercayaan terhadap kebudayaan para penutur asli bahasa tersebut.

Metafora boleh didefinisikan sebagai salah satu daripada bahasa figuratif. Ia bermaksud sepatah perkataan atau frasa diterima pakai bukan untuk makna asal. Konsep bukan makna asal ini membawa persamaan atau analogi dengan satu makna lain yang lebih asal daripada perkataan atau frasa yang sama (Dickins, 2002).

3. Metafora Dalam Hadis Nabi

Hadis Rasulullah S.A.W turut menggunakan elemen metafora. Beberapa pengkaji seperti Fadl Hassan 'Abbas (1998) telah membincangkan elemen metafora yang dikenali sebagai *al-isti'arat*, yang terdapat dalam hadis Rasulullah S.A.W. secara terperinci dalam bukunya *al-Balaghat: Fununuba wa Afnanuba*.

Bahkan perbahasan berkaitan *balaghat al-hadith* yang merangkumi pelbagai elemen bahasa termasuklah metafora telahpun dihuraikan oleh para ulama Islam terdahulu, khususnya dalam kitab-kitab yang menghuraikan maksud hadith Rasulullah S.A.W. Antara kitab-kitab tersebut ialah *Umdat al-Qariy: Sharh Sahih al-Bukhariy* karya Badr al-Din al-'Ayniy, *al-Minhaj Syarb Sahih Muslim* oleh Imam al-Nawawiy serta *Dalil al-Falihin li Turuq Riyad al-Salihin* karya Muhammad bin 'Allan al-Siddiqiy. Kitab-kitab ini menggunakan pendekatan secara tidak langsung dalam menghuraikan aspek bahasa dalam hadis-hadis Rasulullah S.A.W kerana fokusnya ialah maksud dan kefahaman terhadap teks tersebut secara keseluruhannya.

4. Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan analisis kandungan teks. Pendekatan ini digunakan untuk menganalisis rekod ucapan, tulisan, dan item tingkah laku yang diperhatikan oleh penyelidik. Kajian ini menerima pakai teknik analisis kandungan tidak ketara. Ia merupakan pendekatan penyelidikan yang memerlukan penyelidik agar membaca, meneliti, dan mentafsirkan teks tersebut mengikut tema kajiannya (Sunawari Long, 2005: 85).

Dalam kajian ini, tumpuan akan diberikan kepada elemen metafora yang terdapat dalam hadith Rasulullah S.A.W dalam kitab *Riyad al-Salihin* (KRS) susunan Imam al-Nawawiy, Abu Zakaria Yahya bin Syaraf berdasarkan terjemahan yang diterbitkan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS), Jabatan Perdana Menteri. Kajian ini membuat perbandingan antara dua aspek makna iaitu antara makna leksikal serta

makna konteks. Penekanan terhadap aspek persamaan dan aspek perbezaan akan diberikan serta ulasan terhadap kecenderungan penterjemahan korpus terhadap salah satu aspek penterjemahan.

Pendekatan Penterjemahan Semantik Komunikatif

Kajian ini menggunakan teori yang diperkenalkan oleh Peter Newmark yang dinamakan sebagai teori Semantik-Komunikatif. Newmark bermula daripada teori *receptor oriented line* milik Nida, sambil menyatakan bahawa keberkesanan teori *equivalence* (kesepadanan) adalah bersifat khayalan dan konflik kesetiaan, dan jurang antara penekanan terhadap bahasa sumber serta bahasa sasaran sentiasa akan kekal sebagai masalah yang mendesak dalam teori dan praktikal terjemahan. Newmark mencadangkan agar dirapatkan jurang ini dengan menggantikan istilah lama dengan istilah terjemahan semantik dan komunikatif (Munday, 2001).

Terjemahan semantik cuba untuk mengemukakan, semampu yang boleh, yang dibenarkan oleh struktur semantik dan tatabahasa bahasa kedua, makna konteks yang tepat daripada teks asal (Newmark, 1988). Dalam hal ini, penterjemah tidak akan menyesuaikan mesej teks asal mengikut budaya bahasa sasaran tetapi yang harus dikekalkan ialah bentuk asal teks sumber meskipun ada kalanya terjemahan yang dihasilkan agak kabur dan sukar difahami (Muhammad Fauzi Jumingan, 2006: 71). Terjemahan komunikatif pula cuba untuk menghasilkan kesan ke atas pembacanya sehampir mungkin dengan kesan yang diperolehi oleh pembaca dari teksnya yang asal (Newmark, 1988).

Makna Leksikal

Makna leksikal merupakan salah satu daripada jenis-jenis makna bidang semantik yang terdapat dalam bahasa Melayu. Menurut Siti Farida (2020) makna leksikal merupakan makna yang tersurat, tersirat, makna umum atau makna perkamusan. Makna leksikal ialah satu subbidang linguistik yang merujuk kepada kajian tentang apa yang disampaikan atau dimaksudkan oleh sesuatu perkataan dalam sesuatu bahasa. Makna-makna yang terdapat dalam kamus dalam kamus juga dikenali sebagai makna leksikal kerana makna tersebut sendiri tanpa melibatkan sebarang penggunaannya dalam ayat. Makna bagi semantik leksikal boleh disampaikan dengan meninjau perhubungan antara unsur-unsur yang membentuk struktur makna bagi sesuatu perkataan.

Manakala Chaer (2009) menyatakan bahawa, makna leksikal adalah bentuk perkataan yang diturunkan dari leksikon iaitu kosa kata dan perbendaharaan kata. Satuan daripada leksikon adalah leksem, iaitu satuan bentuk bahasa yang bermakna. Struktur

makna leksikal bagi sesuatu perkataan dikenali sebagai istilah sinonim, antonim, homonim, hipernim, homofon, homograf, hiponim, polisemi, meronim, pertindihan dan ketaksaan. Dalam kajian ini, pengkaji akan mengaplikasikan pendekatan semantik leksikal dengan hanya memberikan penumpuan kepada aspek makna perkamusan dalam menganalisis teks hadis Rasulullah SAW, sebagai salah satu sudut bandingan makna dengan aspek konteks. Aspek bahasa yang menjadi tumpuan kajian ialah elemen metafora. Kajian ini memilih dua kamus untuk melihat maksud leksikal bagi sampel metafora yang dipilih. Kamus tersebut ialah *Lisan al-Arab* yang disusun oleh Ibn Manzur serta *al-Qamus al-Mubit* yang disusun oleh al-Fayruzabadi.

Makna Konteks

Lyons (1994) mendefinisikan konteks sebagai keperihalan keadaan. Beliau menyatakan faktor ini amat penting dalam memahami teks, khususnya metafora, kerana bertitik tolak daripada konsep ini seseorang dapat memutuskan bahawa teks itu disampaikan lebih daripada sekadar strukturnya sahaja.

Proses analisis yang diterima pakai untuk memahami mesej yang ingin diterjemahkan melibatkan dua aspek yang berbeza tetapi berkaitan, iaitu aspek tatabahasa dan aspek makna (Nida & Taber. 1982: 91). Terdapat tiga faktor utama yang mempengaruhi makna konotatif (Nida & Taber 1982: 92-93):

- 1- Faktor berkait dengan penutur
- 2- Situasi penggunaan
- 3- Latar linguistik

Reiss (2011: 46-80) juga berpandangan terdapat banyak aspek yang perlu diambil kira dalam proses kritikan terjemahan. Antara aspek tersebut ialah faktor komponen linguistik yang melibatkan unsur semantik, leksikal, tatabahasa, dan stilistik. Aspek lain menurut beliau ialah aspek penentu bukan linguistik yang merangkumi faktor audiens, tempat, masa, penutur, dan keadaan yang hampir. Kamarudin Husin (1995: 18) juga menyatakan kepentingan keperihalan peristiwa bahasa (*contextual features*) serta ciri linguistik yang wujud pada teks, khususnya dalam menjalankan kajian berkaitan laras bahasa.

Dari perspektif ilmu al-Hadith, para cendekiawan Islam telah meletakkan garis panduan yang terperinci untuk berinteraksi dengan hadith Rasulullah S.A.W. Dalam memahami makna lafaz al-Hadith, al-Qardawiy (2006: 18) berpandangan bahawa kamus memainkan peranan yang penting dalam memahami teks al-Hadith, khususnya bagi generasi umat Islam yang semakin jauh meninggalkan zaman Rasulullah S.A.W. Tetapi beliau turut mengingatkan bahawa pendekatan bahasa

sahaja tidak dapat memberikan kefahaman yang sebenar, khususnya untuk menghadapi realiti umat Islam yang berbeza pada hari ini.

al-Siba'iy (2010: 410) menyatakan bahawa aspek bahasa menjadi antara kayu ukur dalam meneliti kesahihan penerimaan sesuatu al-Hadith. Sesuatu *matan* al-Hadith yang disandarkan kepada Rasulullah S.A.W hendaklah, pada asasnya, berasaskan leksikal yang tidak bercanggah dengan prinsip kefasihan bahasa Arab.

al-Qardawiy (2006: 145) menegaskan lagi bahawa antara pendekatan yang baik untuk memahami hadith Nabi S.A.W adalah dengan meneliti latar yang membentuk al-Hadith tersebut. Latar yang beliau maksudkan ialah peristiwa yang menjadi sebab sesuatu al-Hadith diungkapkan. Nur al-Din 'Itr (1992: 334) menyatakan bahawa pendekatan ini dinamakan dengan *asbab wurud al-hadith* (sebab sesatu al-Hadith wujud). Ia memainkan peranan yang sama dengan kaedah *sabab nuzul* (sebab turun) bagi ayat al-Quran.

Pengkaji melihat terdapat persamaan antara pendekatan bidang linguistik dalam meneliti sesuatu teks atau ujaran dengan pendekatan Ilmu al-Hadis dalam meneliti hadis Rasulullah S.A.W. Kedua-dua bidang tersebut menekankan aspek linguistik yang merangkumi ciri sintaksis, morfologi, dan pemilihan leksikal serta aspek konteks atau latar yang mempengaruhi sesuatu teks. Justeru, pengkaji akan meneliti metafora daripada korpus kajian melalui dua aspek yang telah dinyatakan, leksikal dan konteks. Penjelasan konteks bagi makna metafora yang dipilih dalam kajian ini adalah merujuk kepada huraian kitab-kitab huraian hadis seperti *Fath al-Bari*, *Dalil al-Falihin* dan *Nuzhat al-Muttaqin*.

5. Analisis

Contoh 1

(Bab 29, No.Hadis: 245)

(من نَفَّسَ عن مؤمن كُرْبَةً من كُرْبِ الدُّنْيَا...)

Terjemahan:

(Sesiapa yang menolong menyelesaikan satu kesusahan daripada beberapa kesusahan seorang mukmin di dunia...)

Ulasan:

Metafora dalam al-Hadith ini ialah kata kerja **نَفَسَ**. Rasulullah S.A.W menyamakan orang yang menolong meringankan beban orang lain dengan orang bernafas yang menyedut udara segar masuk ke dalam rongga paru-parunya lalu mengeluarkan udara panas darinya atau seumpama seseorang yang menyedut udara segar semasa bersiar-siar di taman (Muhammad Bilu: 99).

Makna Leksikal

Kamus 1: Lisan al-Arab

Ibn Manzur (2002, j: 14), menghuraikan bahawa disebut **اللهم نفس عني** dengan maksud **فرج عني ووسع علي** (Ya Allah, ringankan aku dan luaskanlah). Turut disebut **نفس الله عنه كربته** dengan maksud **فرجها** (Allah meringankan kesusahannya).

Kamus 2 : al-Qamus al-Muhit

al-Fairuzabadi menyatakan bahawa lafaz ini bermaksud : **من نَفَسَ تَنْفِيساً** (melapangkan kesusahan. **أَنا تَفَرَّجَ الكَرْبَ، فَفَرَّجَ تَفَرِجاً، والمعنى: وَنَفَساً، أَي**

Makna konteks

Ibn ‘Allan (1995, j.2: 29) menyatakan bahawa, apa yang dimaksudkan dengan **نَفَسَ** ialah ‘menghilang dan melegakan’. Perkataan ini berasal daripada perkataan **تنفيس الخناق** (meleraikan jerutan).

al-Hanbaliy (1980) menghuraikan frasa ini dengan maksud meringankan kesusahan daripada saudaranya. Perkataan ini diambil daripada **تنفيس الخناق** (meleraikan jerutan); seolah-olah dia meleraikan jerutan agar orang yang dijerut itu mampu untuk bernafas.

Analisis bagi contoh ini menunjukkan terdapat persamaan yang jelas antara huraian makna dari aspek leksikal yang terdapat dalam kamus klasik Arab dengan huraian

aspek konteks yang dibawa oleh kitab-kitab *shurub al-Hadis*. Bahkan kamus Lisan al-Arab turut menyentuh hadis berkaitan bagi menghuraikan maksud konteks frasa tersebut. Korpus kajian menggunakan makna konteks bagi menterjemah frasa metaforikal ini. Ciri ini menyamai pendekatan penterjemahan komunikatif Newmark yang cuba untuk menghasilkan kesan ke atas pembacanya sehampir mungkin dengan kesan yang diperolehi oleh pembaca dari teksnya yang asal.

Contoh 2:

(Bab 36, No. Hadis: 296)

(...وَحَيْرُ الصَّدَقَةِ مَا كَانَ عَنْ ظَهْرٍ غَنَى...)

Terjemahan:

(...Sebaik-baik sedekah adalah daripada orang yang berada (tidak memerlukan bantuan)...)

Ulasan:

Metafora dalam al-Hadith ini ialah frasa *ظهر غنى*. Jika diterjemahkan secara makna denotatif ia bermaksud ‘belakang keperluan’ atau ‘zahir keperluan’.

Makna Leksikal

Kamus 1: Lisan al-Arab

Dari aspek makna, perkataan *ظهر* bermaksud *خلاف البطن* (semua benda yang bertentangan dengan sifat tersembunyi) (Ibn Manzur 2002, j:9). Pengarang kitab *Lisan al-Arab* turut mengulas maksud al-Hadith ini dengan menyatakan maksudnya ialah *ما كان عفواً قد فضل عن غنى* (Sedekah yang berlebihan dari keperluan).

Kamus 2 :

Kamus al-Qamus al-Muhit juga menyatakan maksud yang sama dengan kamus Lisan al-Arab dengan penerangan : *الظُّهُرُ: خِلَافُ الْبَطْنِ* (semua benda yang bertentangan dengan sifat tersembunyi). Kamus ini tidak mendatangkan maksud gabungan frasa *ظهر غنى*.

Makna Konteks:

al-Syarif al-Radiy (1967) menghuraikan bahawa, yang dimaksudkan dengan frasa ini ialah penderma wajib bersedekah jika dia mempunyai kekuatan dari aspek kekayaan. Lafaz *الظهر* di sini melambangkan kekuatan, seolah-olah harta bagi orang kaya seperti bahagian belakang yang menjadi sandarannya. Orang Arab berkata: *فلان ظهر فلان* (Lelaki itu belakang bagi lelaki yang lain) jika dia menguatkan yang lain dan dia bergantung kepadanya ketika sesuatu kejadian berlaku.

Ibn ‘Allan (1995, J.2: 99) meriwayatkan kata-kata al-Khattabiy berkaitan frasa ini: “perkataan *الظهر* dalam frasa ini untuk melengkapkan kata-kata. Ia bermaksud sedekah yang terbaik ialah apa-apa yang dikeluarkan oleh seseorang daripada hartanya selepas dia menyimpan sebahagian hartanya dengan kadar yang mencukupi untuk keluarganya”.

Terdapat persamaan yang jelas antara huraian makna dari aspek leksikal yang terdapat dalam mu’jam klasik Arab dengan huraian aspek konteks yang dibawa oleh kitab-kitab shuruh al-Hadis terutama makna yang dihuraikan oleh kamus *Lisan al-Arab*. Namun *al-Qamus al-Mubit* hanya menerangkan maksud leksikal perkataan tersebut sahaja tanpa menyentuh makna *balaghyyah* yang diguna pakai bagi kosakata tersebut. Korpus kajian menggunakan makna konteks bagi menterjemah frasa metaforikal ini. Ciri ini menyamai pendekatan penterjemahan komunikatif Newmark yang cuba untuk menghasilkan kesan ke atas pembacanya sehampir mungkin dengan kesan yang diperolehi oleh pembaca dari teksnya yang asal.

Contoh 3

(Bab 40, No. Hadis: 317)

(رَغِمَ أَنْفٌ، ثُمَّ رَغِمَ أَنْفٌ، ثُمَّ رَغِمَ أَنْفٌ مَنْ أَدْرَكَ أَبَوَيْهِ عِنْدَ الْكِبَرِ، أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا، فَلَمْ يَدْخُلِ الْجَنَّةَ).

Maksudnya:

(Hinalah kemudian hinalah kemudian hinalah (bagi) mereka yang sempat hidup bersama dengan salah seorang daripada ibu bapanya atau kedua-duanya sekali ketika mereka tua sedangkan dia tidak dapat masuk syurga (dengan sebab itu).

Ulasan:

Metafora dalam al-Hadith ini terdapat pada frasa رَغِمَ أَنْفٌ .

Makna Leksikal

Kamus 1:

Dari aspek makna, frasa ini terdiri daripada dua patah perkataan رَغِمَ dan أَنْفٌ. Ibn Manzur (2002, J.6) menyatakan bahawa, perkataan ini bererti الكره (tidak menyukai atau paksaan). Beliau mengulas lagi bahawa orang Arab berkata, أَرغَمَ اللهُ أَنْفَهُ, bermaksud Allah melekatkan hidungnya dengan tanah yang merupakan bentuk penggunaan yang asal. Kemudian frasa ini diguna pakai untuk menunjukkan kehinaan dan kelemahan. Metafora ini dipengaruhi oleh budaya bangsa Arab yang menganggap kekotoran pada hidung mewakili situasi kehinaan seseorang.

Kamus 2 :

al-Qamus al-Mubhit juga menyatakan maksud yang sama dengan kamus *Lisan al-Arab* dengan penerangan : وَأَرْغَمَهُ الدُّلُّ : وَرَغِمَ أَنْفِي لَلَّهِ تَعَالَى دَلٌّ عَن كُرْهِهِ، bermaksud : ditimpa kehinaan

Makna Konteks:

Ibn ‘Allan (1995, J:2, :125) menyatakan bahawa frasa ini digunakan untuk mengisyaratkan kepada kehinaan seolah-olah seseorang itu dipenuhi dengan tanah pada hidungnya sehingga memalukannya.

al-Mubarakfury (j9. H: 371) menghuraikan frasa ini dengan menjelaskan (أَي لَصِقَ) (أَنْفَهُ بِالتُّرَابِ كِنَايَةً عَن حَصُولِ الدُّلِّ) bahawa ia bermaksud hidungnya tercalit tanah kiasan kepada mendapat kehinaan. Menurut beliau pada asalnya frasa ini digunakan untuk menunjukkan maksud zahirnya kemudian digunakan bagi menunjukkan kehinaan, ketidakupayaan dan keterpaksaan

Bagi contoh ini, terdapat persamaan yang jelas antara huraian makna dari aspek leksikal yang terdapat dalam mu’jam klasik Arab dengan huraian aspek konteks yang dibawa oleh kitab-kitab shuruh al-Hadis. Korpus kajian menggunakan makna konteks bagi menterjemah frasa metaforikal ini. Ciri ini menyamai pendekatan penterjemahan komunikatif Newmark yang cuba untuk menghasilkan kesan ke atas

pembacanya se hampir mungkin dengan kesan yang diperolehi oleh pembaca dari teksnya yang asal.

Contoh 4 (Bab 65, No. Hadis: 579)

(أَكْثِرُوا ذِكْرَ هَاذِمِ اللَّذَاتِ)

Terjemahan:

(Hendaklah kamu semua memperbanyakkan mengingati sesuatu yang melenyapkan ingatan keseronokan dunia, iaitu mati.)

Ulasan:

Metafora dalam al-Hadith ini terdapat pada frasa هاذم اللذات. Ibn ‘Allan (1995, J:2, :12) menyatakan bahawa, frasa ini ialah metafora dengan Rasulullah S.A.W telah mengumpamakan kewujudan dan kehilangan kelazatan yang disebabkan oleh kematian dengan kewujudan sebuah bangunan tinggi yang dihentam dengan hentaman yang kuat hingga menghancurkannya.

Makna Leksikal

Kamus 1:

Perkataan هاذم adalah dalam wazan اسم فاعل daripada kata kerja هدم. Ibn Manzur (2002, J:15) menyatakan penggunaan kata kerja ini dalam ayat هدم الشيء bermaksud غيبه أجمع (menghilangkan keseluruhan sesuatu) atau menghancurkannya.

Kamus 2 :

Al-Fayruzabadi menyatakan maksud perkataan هدم ialah قطع : memutuskan atau أكل بسرعة makan dengan cepat.

Makna Konteks:

Di akhir matan hadis ini terdapat huraian bagi frasa هاذم اللذات dengan menyatakan maksudnya ialah kematian. Ibn ‘Allan (1995, j:2, :12) berpandangan huraian ini

bukanlah tambahan dari *perami* tetapi merupakan sebahagian teks asal. Beliau turut meriwayatkan beberapa huraian terhadap perkataan ini antaranya menurut al-Suyuti bermaksud قاطع (pemutus) dan al-Haithami pula menyatakan bahawa maksudnya ialah مزيل (penghilang).

Terdapat persamaan antara huraian makna dari aspek leksikal yang terdapat dalam mu'jam klasik Arab dengan huraian aspek konteks yang dibawa oleh kitab-kitab shuruh al-Hadis. Persamaan ini dengan menerangkan maksud leksikal bagi kosakata هاذم. Teks hadis yang disusun oleh al-Nawawi telah memainkan peranan untuk menjelaskan maksud frasa metaforikal ini. Korpus kajian menggunakan makna leksikal bagi menterjemah frasa metaforikal ini. Ciri ini menyamai pendekatan penterjemahan semantik Newmark yang mana penterjemah tidak akan menyesuaikan mesej teks asal mengikut budaya bahasa sasaran tetapi yang harus dikekalkan ialah bentuk asal teks sumber.

Contoh 5

(Bab 68, No. Hadis: 588)

(...أَلَا وَإِنَّ حِمَى اللَّهِ مَحْرَمَةٌ...)

Terjemahan:

(...ingatlah larangan Allah ialah perkara-perkara yang diharamkan...)

Ulasan:

Metafora dalam hadis ini terdapat pada frasa حِمَى اللَّهِ. Rasulullah S.A.W menyamakan perkara-perkara yang diharamkan oleh Allah S.W.T dengan kawasan larangan seorang pemerintah dengan *wajh syabah* (persamaan) ialah kedua-duanya tidak boleh dimasuki dengan sewenang-wenangnya (Ibn 'Allan, 1995, J:2 : :25). Penyandaran kata nama حِمَى kepada لَفْظِ *al-jalalat* اللَّهِ menghalang daripada penggunaan maknanya yang asal.

Makna Leksikal:

Kamus 1:

Ibn Manzur meriwayatkan beberapa makna bagi perkataan **حمى** antaranya: sesuatu yang dipagari dari sesuatu yang lain. Perkataan ini turut bermaksud kawasan tanaman yang dilarang kepada orang lain.

Kamus 2:

al-Fayruzabadi menyatakan maksud perkataan **حمى** ialah sesuatu yang dipagari.

Makna Konteks:

Kata nama **حمى** pada asalnya merujuk kepada **المكان المحمي** (kawasan yang dijaga) yang pada kebiasaan bermaksud ketua sesuatu kabilah Arab yang mendiami sesuatu kawasan yang subur, akan meletakkan anjing yang menyalak di satu kawasan yang tinggi. Justeru, setiap kawasan yang sampai kepadanya suara salakan tersebut akan dianggap kawasan larangan yang dipelihara oleh ketua kabilah tersebut (al-‘Asqalaniy, 1997).

Frasa **حمى الله** dalam hadith ini bermaksud **المعاصي** (maksiat) yang diharamkan oleh Allah. Justeru, sesiapa memasukinya dengan melakukan sebahagian daripadanya, maka dia berhak untuk menerima balasan dari Allah S.W.T (Ibn ‘Allan, 1995, J2: 24-25). Rasulullah S.A.W menjadikan maksiat yang dilarang oleh Allah S.W.T ke atas hambaNya seperti sebuah kawasan larangan. Maka, wajiblah mereka tidak menghampiri dan berjalan di sekitarnya. Manakala mereka yang menyanggahi larangan ini disediakan untuknya balasan dan siksaan (al-Syarif al-Radiy: 129).

Maksud leksikal menerangkan makna literal perkataan **حمى** yang bermaksud kawasan larangan mempunyai persamaan dengan maksud konteks. Korpus kajian menggunakan makna leksikal bagi menterjemah frasa metaforikal ini. Ciri ini menyamai pendekatan penterjemahan semantik Newmark yang mana penterjemah tidak akan menyesuaikan mesej teks asal mengikut budaya bahasa sasaran tetapi yang harus dikekalkan ialah bentuk asal teks sumber. Penggunaan makna leksikal bersesuaian dengan laras bahasa hadis di mana teks hadis selepas menyebut frasa ini berperanan menerangkan sendiri maksudnya.

6. Dapatan Kajian

Makna leksikal yang dibawa oleh kamus-kamus membantu penterjemah memahami maksud awal sesuatu frasa metafora namun tidak memberikan maksud sebenar frasa tersebut sebagai mana yang dikehendaki oleh bahasa sumber. Pergantungan kepada makna leksikal semata-mata untuk menterjemah sesuatu frasa metaforikal yang terdapat dalam mana-mana teks hadis berkemungkinan menghasilkan terjemahan yang tidak menepati kehendak makna teks sumber. Namun dalam kajian ringkas ini menunjukkan Kamus *Lisan al-Arab* turut menyentuh sebahagian makna konteks bagi beberapa contoh hadis yang dianalisis namun al-Qamus al-Muhit tidak memenuhi ciri ini.

Manakala makna konteks yang sering dihuraikan oleh kitab-kitab *shuruh al-Hadis* memainkan peranan yang penting dalam membantu para penterjemah memahami teks hadis. Huraian para ilmunan hadis yang merangkumi aspek leksikal serta konteks menjadikan kefahaman bagi frasa metaforikal lebih jelas sekaligus membantu penterjemah menghasilkan teks terjemahan yang memenuhi kehendak teks sumber.

Rujukan.

- ‘Abbas, Fadl Hassan. (1998). *al-Balaghat: Fununuba wa Afnanuba (‘Ilm al-Bayan wa al-Badi’)*. ‘Amman-Jordan: Dar al-Furqan li al-Nasyr wa al-Tawzi’.
- Ahmad Sunawari Long. (2005). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Jabatan Usuluddin dan Falsafah. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmah Hj. Omar. (1993). *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- al-‘Asqalaniy, ‘Ahmad bin ‘Ali bin Hajar. (1997). *Fath al-Bariy Syarh Sahib al-Bukhariy*. Riyad: Maktabat al-Salam
- Black, Jonathan Carteris. (2004). *Corpus Approaches to Critical Metaphor Analysis*. New York: Palgrave Macmillan.
- Chaer, A. (2009). *Pengantar Semantik Bahasa Indonesia*. Jakarta: PT Rineka Cipta.
- al-Fairuzabadi, Majd al-Din Muhammad bin Ya’kub. (2006) *al-Qamus al-Muhit*. Beirut: Lubnan. Muassasah al-Risalah
- al-Hanbaliy, Ibn Rajab, ‘Abd al-Rahman bin Syihab al-Din. (1980). *Jami’ al-‘Ulum wa al-Hikam fi Syarh Khamsin Hadithan min Jawami’ al-Kalim*. Cet: Kelima. Qahirat: Dar al-Hadith.

- Hawkes, T. (1972). *Metaphor*. London: Methuen & Co. Ltd.
- Ibn Manzur, Ahmad bin Mukarram. (1992). *Lisan al-Arab*. Dar Sadir
- ‘Itr, Nur al-Din. (1992). *Manhaj al-Naqd fi ‘Ulum al-Hadith*. Dimasyq: Dar al-Fikr li al-Taba’at wa al-Tawzi’.
- Lyons, John. (1994). *Bahasa, Makna, dan Konteks*. Penerjemah: Zahrah Abdul Ghafur. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Muhammad Bilu. (1979). *Min Balaghat al-Sunnat*. Syari’ al-Suq al-Tawfiqiyyat: Matba’at Atlas.
- al-Mubarakfuriy, Muhammad ‘Abd al-Rahman bin ‘Abd al-Rahim. (2001). *Tuhfat al-Ahwazi bi Syarb Jami’ al-Tirmiziy*. Beyrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyat.
- Munday, Jeremy. (2001). *Introduction to Translation*. London: Routledge.
- Newmark, Peter. (1988). *Approaches to Translation*. United Kingdom: Prentice Hall International.
- Newmark, Peter. (2006). *al-Jami’ fi al-Tarjamat*, (A Textbook of Translation). Terjemahan: Hassan Ghazzalat. Beyrut: Dar wa Maktabat Hilal.
- Nida. E. A & Taber. C.R. (1982). *The Theory and Practice of Translation*. E.J. Brill: Leiden.
- al-Qardawiy, Yusof. (2006). *Kayf Nata’amal Ma’a al-Sunnat al-Nabawiyyat*. Qahirat: Dar al-Syuruq.
- al-Radhiy, al-Syarif. (1967). *al-Majazat al-Nabawiyyat*. Semakan Taha Muhammad al-Zayniy. Qahirat: Matba’at al-Fajalat al-Jadidat.
- Reiss, Katharina. (2011). *Kritikan Terjemahan: Potensi dan Batasan*. Penerjemah: Noor Ida Ramli. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- al-Siba’iy, Mustafa. (2010). *al-Sunnat wa Makanatuba fi al-Tasyri’ al-Islamiy*. Beyrut: Dar Ibn Hazm.
- al-Siddiqiy, Muhammad bin ‘Allan. (1995). *Dalil al-Falihin Syarb Riyad al-Salihin*. Beyrut-Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyat.
- ~~Pratiwi, G. (2020). Analisis Semantik Leksikal dalam Novel Sangkar Karya Samsiah Mohd. Nor. People Journal 2020, Vol 3(1), 45-63 E-Issn: 2600-8971~~
- Analisis Semantik Leksikal Dalam Novel Sangkar Karya Samsiah Mohd. Nor*. People Journal 2020, Vol 3(1), 45-63 E-Issn: 2600-8971
- Terjemahan Riyad al-Salihin*. (1994). Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana.